

Chile kagumi kejayaan Malaysia

BH-14/6/2007

Santiago ingin contohi keberkesanan dasar sosioekonomi, pendidikan

Oleh Norliza Abdullah

TUJUH puluh peratus daripada pelajar universiti di Chile pada masa ini adalah generasi pertama dalam sesebuah keluarga yang berjaya menjejak kaki ke menara gading.

Berbanding sebelum ini, rakyat biasa di Chile memang tidak berpeluang berbuat demikian. Kos tinggi, taraf pendidikan rendah serta peluang yang kurang, membataskan usaha mereka untuk terus pergi jauh dalam bidang pendidikan berbanding golongan aristokrat.

Bagi golongan berada terutama berketurunan Sepanyol, langkah mereka panjang, peluang untuk meneruskan pengajian ke luar negara terbuka luas. Kuasa pembiayaan yang lebih kukuh serta mendapat pendidikan pada peringkat awal membolehkan mereka terus menikmati kehidupan lebih berkualiti.

Kini keadaan sudah berubah, taraf hidup masyarakat semakin meningkat tanpa mengira golongan, jika mereka mencatatkan prestasi cemerlang dan layak ke universiti pastinya peluang terbuka luas. Taraf hidup yang semakin meningkat serta insentif kerajaan membolehkan rakyat semua peringkat berpeluang menikmati pendidikan berkualiti.

Bagi mereka yang terpilih meneruskan pengajian dalam dan luar negara, inilah peluang keemasan yang tidak boleh dilepaskan dan dengan peluang ini bagi mereka daripada keluarga miskin menjadi landasan bagi mengubah nasib keluarga dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Carta aliran sosial masyarakat di Chile mempunyai persamaan dengan penduduk di Malaysia sebaik saja negara ini mencapai kemerdekaan," kata Dutanya ke Malaysia, Patricio Torres.

Pendekatan yang diambil Chile kini, katanya sama dengan apa yang diperkenalkan Malaysia sebaik saja bebas daripada cengkaman Britain 50 tahun lalu.

Kerajaan Chile, katanya, menggalakkan ibu bapa terutama daripada keluarga pertengahan dan bawahan menghantar anak mereka ke sekolah hingga ke peringkat menengah sebelum melangkah lebih jauh hingga ke institusi pengajian tinggi.

"Pendidikan adalah elemen terpenting

dalam usaha membentuk keseimbangan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara.


"Ia adalah antara agenda Kerajaan Chile selepas bebas daripada jajahan Sepanyol," katanya ketika ditemui selepas majlis pengucapan awam mengenai perkembangan ekonomi Chile di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di Bangi, baru-baru ini.

Pada awalnya Torres berkata, sebahagian besar daripada penduduk Chile adalah daripada keturunan penjajah Sepanyol. Bagaimanapun hanya golongan minoriti berketurunan Jerman, Itali, Inggeris dan penduduk asal berdarah Indian.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai golongan pertengahan yang semakin meningkat dan berpendidikan tinggi, beliau berkata, penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas. Kemahiran ini penting bagi membolehkan golongan profesional Chile dapat terus bersaing dengan rakan mereka pada peringkat global.

Menyedari pentingnya penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara peringkat antarabangsa, Torres berkata, pihaknya akan mewujudkan usaha sama pintar dengan UKM bagi menjalani sesi latihan menguasai bahasa Inggeris.

"Saya dapati, tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat Malaysia begitu membanggakan walaupun ia bukan bahasa ibunda terutama bagi masyarakat Melayu.



"Kesungguhan kerajaan meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris begitu dikagumi dan ia menjadi tarikan Chile. Wajar kerjasama akademik yang sudah terjalin sejak sekian lama diperkukuhkan dalam memperkasakan bidang linguistik terutama teknik penguasaan bahasa Inggeris secara berkesan," katanya.

Malah Torres, bapa kepada lima anak berkata, beliau kagum dengan kesungguhan Malaysia memulakan pendidikan bahasa Inggeris pada peringkat awal proses pembelajaran. Bermula dengan sistem pendidikan di sekolah rendah, Bahasa Inggeris sudah menjadi subjek utama. Malah ia berterusan hingga ke sekolah menengah walaupun bahasa pengantarnya adalah bahasa Malaysia.

Ketika diminta penjelasan mengapa beliau memilih pakar linguistik dari Malaysia untuk tujuan itu dan bukannya dari negara asal bahasa berkenaan iaitu Britain, beliau dengan mudah berkata: "Kami lebih selesa berurusan di sini," jawabnya ringkas.

Beliau berkata, setiap negara mempunyai kekuatan tersendiri, usaha menguasai sesuatu bahasa memerlukan kesungguhan, komitmen dan kerjasama padu semua pihak, faktor geografi bukannya penghalang.

Begitu juga dengan sekumpulan ahli akademik dari China yang mengikuti pengajian bahasa Arab di Malaysia. Mereka lebih selesa belajar bahasa berkenaan di Ma-

aysia dan tidak pergi ke negara Asia Barat untuk berbuat demikian.

Perbezaan bahasa di mana ahli akademik Malaysia begitu fasih berbahasa Inggeris, manakala rata-rata masyarakat di Chile berbahasa Sepanyol, beliau berkata, di kalangan ahli akademik itu sendiri masing-masing ada kekuatannya.

"Walaupun ia membabitkan pihak yang fasih dengan kumpulan yang kurang fasih, perkongsian pengetahuan dan kemahiran ini akan berjalan lancar apabila ada satu kerjasama diwujudkan. Saya yakin kerjasama ini berjalan lancar," katanya.

Hubungan akrab antara Kerajaan Chile dan UKM secara rasmi bermula sejak awal 1990. keakraban terus kukuh apabila UKM menyerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ijazah Undang-Undang kepada bekas Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz Tagle, pada 1995.

Chile adalah antara negara paling maju di Amerika Latin dengan kadar pendapatan perkapita AS\$8,900 setahun. Pendekatan Malaysia merapatkan jurang ekonomi dan sosial antara kaum begitu dikagumi.

Cara Malaysia membentuk masyarakat majmuk yang aman harmoni juga dikagumi, sebaik mencapai kemerdekaan, Malaysia memberi tumpuan khusus kepada usaha menyeimbangkan sosioekonomi pelbagai kaum di Malaysia menerusi konsep Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Usaha merapatkan jurang kemiskinan antara kaum itu berjaya apabila ramai teknokrat di kalangan peribumi.

Mengulas peranan Chile dalam menangani prasangka di kalangan masyarakat Kristian terhadap Islam seluruh dunia, beliau berkata, prasangka itu wujud di mana-mana terutama di negara Barat. Ia adalah satu stigma sesuatu kaum yang bersifat subjektif.

"Saya secara peribadi berpendapat, di Malaysia suasana lebih harmoni. Masyarakat berbilang kaum dengan berbeza kepercayaan dan pegangan dapat hidup dengan aman dan damai," katanya.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of New York dan Ijazah Sarjana Sains Politik, Torres berkata, beliau yang berasal daripada sebuah keluarga Islam dan moyangnya yang berasal dari Torres Sepanyol berhijrah ke Chile pada zaman penjajahan.

“Carta aliran sosial masyarakat di Chile mempunyai persamaan dengan penduduk di Malaysia sebaik saja negara ini mencapai kemerdekaan”

Patricio Torres
Duta Chile ke Malaysia